



“MENYAYANGI WARGA EMAS SIFAT ORANG YANG BERTAKWA”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ ثُمَّ لَتَكُونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَّنْ يُتَوَفَّىٰ مِنْ قَبْلِ^ص وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّىٰ وَلِعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٦٧</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ^١</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini bertajuk “MENYAYANGI WARGA EMAS SIFAT ORANG BERTAKWA”.</p>	6
<p>Hakikat fitrah bagi kejadian setiap insan akan melalui beberapa proses fasa kehidupan. Bermula dengan fasa bayi dalam kandungan, fasa selepas kelahiran, fasa kanak-kanak, fasa remaja dan dewasa, dan akhirnya fasa penuaan. Setiap fasa yang dilalui itu akan mengalami perubahan-perubahan dari aspek fizikal, mental, rohani dan jasmani. Perubahan fasa-fasa ini merupakan lumrah yang akan dilalui oleh setiap insan</p>	7

¹ Ali Imran : 102.



<p>sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Nahl ayat 70:</p> <p>وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لَكُمْ لَا يَعْلَمُ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ۝٧٠</p>	8
<p><i>“Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.”</i></p>	9
<p>Dari perspektif Islam, usia emas bukanlah satu masalah atau bebanan sebaliknya ia merupakan satu proses normal dan ia perlu diuruskan sebaiknya agar matlamat akhir kehidupan ini untuk mendapatkan pengakhiran yang baik atau <i>husnul khatimah</i> tercapai.</p>	10
<p>Islam mengajar umatnya agar mengamalkan sikap saling menghormati dan menyantuni antara satu dengan yang lain tanpa mengira bangsa, pangkat ataupun keturunan. Sikap seperti ini perlu disemai sejak kecil, lebih-lebih lagi terhadap kedua ibu bapa. Asuhlah anak-anak kita untuk beradab dengan orang lain. Lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia hari ini, manusia semakin kehilangan adab dan moral dalam kehidupan mereka. Menghormati dan menyantuni ibu bapa adalah wajib kerana ia merupakan perintah Allah SWT. Jika kita tidak berbuat baik terhadap keduanya, maka kita dikira melakukan dosa besar kerana melanggar perintah Allah SWT.</p>	11



Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahqaf ayat 15: <i>وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا</i>	12
<i>"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah."</i>	13
Tuntutan berbuat baik ini juga bukanlah terhad kepada ibu bapa sendiri sahaja bahkan termasuk juga kepada orang yang lebih dewasa atau warga emas, sama ada mereka yang ada hubungan kekeluargaan ataupun tidak. Ini kerana warga emas juga mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka. Hadirin kekasih Allah sekalian,	14
Rasulullah SAW telah mengajar kita untuk berbuat baik kepada orang dewasa sebagaimana yang disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu ketika seorang tua datang kepada Nabi SAW, dan orang ramai melambatkan pergerakan untuk memberikan ruang kepadanya.	15



<p>Lalu Baginda SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوقِرْ كَبِيرَنَا</p> <p><i>"Bukanlah daripada golongan kami sesiapa yang tidak mengasihi kanak-kanak dan tidak menghormati orang dewasa."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Al-Tirmizi).</i></p>	16
<p>Rasulullah SAW juga pernah mengingatkan kita melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radiallahuanhuma:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُزْحَخَ عَنِ النَّارِ وَيُدْخَلَ الْجَنَّةَ فَلْتَأْتِهِ مَنِيَّتُهُ وَهُوَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَيَأْتِي إِلَى النَّاسِ مَا يُحِبُّ أَنْ يُؤْتَى إِلَيْهِ</p>	17
<p><i>"Sesiapa yang suka diselamatkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka biarkanlah datang kematiannya dalam keadaan dia beriman dengan Allah dan Hari Akhirat. Dia juga memperlakukan manusia sebagaimana dia suka manusia perlakukan kepadanya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	18



<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Warga emas bukanlah golongan yang boleh kita pandang sebelah mata. Hakikatnya, golongan ini memiliki kedudukan yang istimewa di sisi Allah SWT sebagaimana yang disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy'ari bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ مِنْ إِجْلَالِ اللَّهِ إِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ وَحَامِلِ الْقُرْآنِ غَيْرِ الْعَالِي فِيهِ وَالْجَافِي عَنْهُ وَإِكْرَامَ ذِي السُّلْطَانِ الْمُقْسِطِ</p>	19
<p><i>“Sesungguhnya termasuk mengagungkan Allah SWT ialah menghormati seorang muslim yang beruban (sudah tua), pembawa al-Quran yang tidak berlebihan padanya (dengan melampaui batas) dan tidak menjauh (dari mengamalkan) al-Quran tersebut, serta memuliakan pemerintah yang adil.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	20
<p>Muslimin sekalian,</p> <p>Khatib juga ingin berpesan dan mengingatkan para Jemaah sekalian dalam kita membicarakan persoalan menghormati warga emas ini kita sebagai mukmin hendaklah sentiasa memuhasabah diri kita, bagaimanakah sifat dan sikap kita dalam menghargai ibu dan bapa sebagai warga emas. Apakah peranan kita dalam memberi kasih sayang kepada mereka yang telah berjuang membesarkan kita. Apakah kita sekadar membiarkan mereka bersendirian bahkan ada yang sanggup membiarkan mereka di rumah perlindungan orang-orang tua. Apakah ini wajar dalam suasana pembentukan keluarga yang harmoni pada waktu ini. Maka oleh sebab itu, marilah kita tanamkan sikap keprihatinan dan rasa simpati terhadap ahli keluarga kita dengan memelihara perhubungan yang baik sesama ibu bapa yang semestinya dihormati dan ditaati kerana ianya mendapat pahala di sisi Allah SWT.</p>	21



<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, marilah sama-sama kita mengambil iktibar beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa menghormati dan mengasihi warga emas adalah perintah dan tuntutan daripada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa golongan warga emas seharusnya diperlakukan secara baik, disayangi dan dihormati kerana ia adalah tuntutan Islam.3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa kita akan berada pada usia tua suatu hari nanti. Justeru berazamlah untuk mengasihi dan menjaga golongan ini.4.	22
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ٢٣</p>	23
<p><i>“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Isra' : 23).</i></p>	24



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	25
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	26



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15